

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI SYARIKAT TAHUN 2016**Latar Belakang**

1. Keperluan untuk melaksanakan penilaian prestasi syarikat yang telah menyempurnakan bekalan, perkhidmatan dan kerja dinyatakan dalam prosedur dan arahan kerja seperti berikut:-

- (a) Prosedur Pembelian Terus-UPM/SOK/KEW-BUY/P004;
- (b) Prosedur Sebut Harga-UPM/SOK/KEW-BUY/P005;
- (c) Prosedur Tender-UPM/SOK/KEW-BUY/P006;
- (d) Prosedur Rundingan Terus-UPM/SOK/KEW-BUY/P007; dan
- (e) Arahan Kerja Penilai Prestasi Syarikat-UPM/SOK/KEW/AK002/BUY.


2. Penilaian dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab melalui Sistem Penilaian Prestasi Syarikat dengan memberi maklum balas berdasarkan soalan-soalan dalam borang yang disediakan. Sebanyak lima (5) ditetapkan seperti berikut:-

SKALA	JUMLAH
SANGAT MEMUASKAN	81-100
MEMUASKAN	61-80
KURANG MEMUASKAN	41-60
TIDAK MEMUASKAN	21-40
SANGAT TIDAK MEMUASKAN	0-20

Laporan Penilaian Prestasi Syarikat

Bagi tahun 2016, 8182 syarikat telah dinilai dengan 40,321 transaksi telah dilaporkan. Sebanyak 13% (1,072 syarikat) mendapat 95% prestasi sangat memuaskan dan 0.45% (37 syarikat) mendapat markah di bawah 50%.

	MARKAH	BIL TRANSAKSI	BIL SYARIKAT	% TRANSAKSI	% SYARIKAT
TAHUN 2016	95% dan ke atas	2,762	1,072	6.85%	13.10%
	Melebihi 80% sehingga 94%	35,175	6,091	87.24%	74.44%
	Melebihi 51% sehingga 79%	2,321	982	5.76%	12.00%
	50% dan ke bawah	63	37	0.16%	0.45%
		40,321	8,182	100%	100%



Tindakan

Tindakan telah diambil ke atas syarikat yang mendapat prestasi di bawah 50% bagi memastikan syarikat memperbaiki prestasi pada masa akan datang.